

## Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

---

**From:** Institut Pengurusan Kualiti  
**Sent:** 29 Februari 2016 8:55  
**To:** UUM - All Staff  
**Cc:** Prof. Madya Dr. Haim Hilman bin Abdullah; Dr. Mazni Binti Omar  
**Subject:** UUM PERKEMAS SISTEM PELAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK FASA 2 : 2016-2020



Institut Pengurusan Kualiti  
INSTITUTE OF QUALITY MANAGEMENT  
Universiti Utara Malaysia

29 FEBRUARI 2016/ 20 JAMADILAWAL 1437H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"  
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

## UUM PERKEMAS SISTEM PELAPORAN PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK FASA 2 :



**IPQ ONLINE:** Bahagian Perancangan Korporat, Institut Pengurusan Kualiti (IPQ), UUM telah menganjurkan *Planning Information System Version 2.0 (SPIS 2.0)* pada 28 Februari 2016 bertempat di EDC Hotel, Siriraj, Bangkok.

Bengkel ini bertujuan untuk menambah baik dan mempertingkatkan keupayaan sistem sedia ada bagi

universiti sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa serta bersifat *real-time*. Selain itu, pembangunan memenuhi keperluan Pelan Strategik UUM Fasa 2: 2016-2020.

Prof. Madya Dr.Haim Hilman Abdullah, Pengarah IPQ semasa sesi taklimat bengkel menegaskan bahawa SPIS 2.0 amat penting bagi mempertingkatkan kualiti data, ketepatan maklumat, dan kepatutan dalam membuat keputusan-keputusan penting yang lain. Memiliki sistem pelaporan adalah satu keperluan untuk kelangsungan UUM dalam usaha mencapai objektif strategik iaitu OYAGSB menjadi 100 *Business Schools* di Asia, 200 Universiti Terbaik Dunia, 50 Terbaik Asia, 10 Terbaik Asia Tenggara dan 5 Terbaik Malaysia.

Bagi mempertingkatkan keupayaan SPIS 2.0, bengkel ini telah dihadiri oleh lebih 70 orang pemangku daripada pembangun sistem (*system developer*), pemilik sistem (*system owner*) dan pengguna (*users*) UUM. Peserta dibahagikan kepada 11 kumpulan berdasarkan sistem sedia ada iaitu Kumpulan 1: Akademik (GAIS); Kumpulan 2: Akademik (GAIS); Kumpulan 3 dan 4: Kewangan (IFAS); Kumpulan 5 dan 6: HEP (SAMS); Kumpulan 7: Manusia (PERSIS); Kumpulan 8: Penyelidikan (RECIS); Kumpulan 9: Penyelidikan (RECIS); Kumpulan 10: Penerbitan (Sistem Penerbitan); Kumpulan 11: Infrastruktur (manual). Selain itu terdapat juga sistem-sistem lain seperti sistem perpustakaan, praktikal, dan sebagainya yang akan diintegrasikan dalam pembangunan SPIS 2.0 bagi mendukung agenda utama UUM.

Percambahan idea dari kalangan pembangun sistem, pemilik sistem dan pengguna telah menjadi fokus dalam pembangunan SPIS 2.0. Sebanyak 16 KPI dan 219 PI dibincangkan dan diperhalusi dalam usaha SPIS 2.0.

Bagi memantapkan SPIS 2.0, beberapa perjumpaan dan uji cuba akan diadakan sebelum sistem sepenuhnya bagi pengumpulan data dan pelaporan pelan strategik universiti. SPIS 2.0 ini juga meru sebagai platform untuk e-Management.

Tamat.



=====

**INSTITUT PENGURUSAN KUALITI  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
06010 UUM SINTOK,  
KEDAH DARUL AMAN**

**FOCUS. ACCURATE. SHARP. TIMELY  
IPQ DRIVES UUM'S ENDLESS POTENTIALS**

TEL. : 04 - 928 4675  
FAKS :04 - 928 4660  
E-MEL : [ipq@uum.edu.my](mailto:ipq@uum.edu.my)  
<http://ipq.uum.edu.my>